

Projek disiapkan lebih awal

TERMINAL

DUA: DR M

PUAS HATI

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad puas hati dengan prestasi pembinaan projek tambahan Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang.

Bellau gembira kerana projek itu dapat disiapkan tiga setengah bulan lebih awal dari yang di jadualkan.

Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam, Dr. Abdul Kuddus Ahmad memberitahu Perdana Menteri mengenai sistem pelaksanaan itu yang dipercepatkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir hari ini melawat projek tambahan itu se-jurus selepas beliau mengucapkan selamat berangkat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong untuk memulakan lawatan diraja selama seminggu ke Arab Saudi.

Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon mengiringi Perdana Menteri melawat sekitar projek tambahan itu.

Kemajuan kerja

Turut sama ialah Menteri Kerajaan dan Kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu dan Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abu Hassan Haji Omar.

Datuk Ibrahim Mohamad, Pengerusi PROMET — syarikat pemborong yang mengendalkan projek bernilai \$7.4 juta itu memberi penerangan kepada Perdana Menteri mengenai kemajuan kerja-kerja tambahan itu.

Bellau juga memberitau Datuk Seri Dr. Mahathir mengenai tarikh siap, kemudahan-kemudahan terminal tambahan tersebut.



DR ABDUL KUDDUS